



Headline: Guru rugi RM9,900 ditipu  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 25 March 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 21

## Guru rugi RM9,900 ditipu

**Kota Marudu:** Akibat terlalu takut didakwa kerana terbabit pengubahan wang haram atau AMLA, seorang guru kerugian RM9,900 selepas menyerahkan nama dan kata laluan perbankan internet miliknya kepada sindiket penipuan dalam talian.

Lelaki berusia 52 tahun itu menerima panggilan individu yang mendakwa pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada 1 Mac lalu, yang memaklumkan dia mempunyai tunggakan cukai syarikat, ketika berada di tempat kerjanya di Pitas, di sini.

Ketua Polis Daerah Kota Marudu, Superintendan Zairolnizal Ishak berkata, mangsa ke-

mudian diminta menghubungi satu lagi nombor yang kemudian dijawab individu yang mengaku sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang.

Katanya, lelaki terbabit memaklumkan nama mangsa terbabit dengan kes pengubahan wang haram, lalu meminta mangsa memberikan maklumat akaun peribadi miliknya.

“Mangsa hanya menyedari tertipu selepas melakukan semakan akaun miliknya dalam talian pada 21 Mac lalu apabila mendapati transaksi dilakukan daripada akaunnya kepada akaun milik individu tidak dikenali membabitkan jumlah RM9,900,” katanya.